

BAB 5

Rumusan dan Cadangan

Rumusan Kajian

Daripada dapatan yang ditemukan dan dibincangkan dalam Bab 4, didapati bahawa keempat-empat guru pelatih yang menjadi peserta kajian ini masih menghadapi masalah penggunaan SBBM bagi aktiviti lisan dan bacaan dalam kelas mereka. Dapatan kajian menunjukkan bahawa masalah penyebutan tersebut ketara apabila mereka melakukan aktiviti lisan dan bacaan yang menggunakan bahan prosa seperti menuturkan perbincangan, maklumat, dan wawancara atau temu bual. Dalam merealisasikan sebutan aspek fonologi BM jati, mereka masih gagal memenuhi peraturan sebutan mengikut fonemik, iaitu kata dieja sebagaimana yang diucapkan dan diucapkan sebagaimana yang dieja, dan tidak ada huruf yang senyap (K.L. Pike, 1965).

Berdasarkan dapatan yang diperoleh, yang paling ketara peserta kajian menghadapi masalah ketika membunyikan fonem /a/ yang hadir pada hujung suku kata akhir perkataan BM. Fonem /a/ yang disebut sebagai bunyi [a] tersebut akan berubah menjadi bunyi [ə]. Pengguna BM juga tidak mampu membunyikan fonem /u/ sebagai bunyi [u] sebaliknya digantikan dengan bunyi [o] bagi kata-kata yang mengandungi bunyi [u] pada suku kata akhir. Demikian juga bunyi [i] pada semua kedudukan telah dilafazkan menjadi bunyi [e]. Bagi fonem /r/, dapatan jelas menunjukkan pengguna BM akan melenyapkan bunyi fonem tersebut bagi semua kata yang pada akhir suku kata ditandai oleh bunyi [r].

Hal ini demikian kerana pada keadaan biasa pertuturan dialek Riau-Johor menguasai pertuturan pengguna-pengguna BM. Maka, ketika menggunakan BM

dalam situasi rasmi, pengaruh sebutan Riau-Johor terus diamalkan sehingga mengketepikan sebutan berdasarkan prinsip fonemik.

Penyebutan yang melibatkan perkataan-perkataan serapan atau pinjaman daripada bahasa asing juga kelihatan ketara menjadi masalah kepada peserta kajian. Berdasarkan dapatan yang dikumpulkan, bagi perkataan-perkataan yang berasal daripada BI, lenggok sebutan BI masih menguasai sebutan mereka sedangkan perkataan-perkataan yang digunakan itu telah diterima ke dalam BM dengan bentuk ejaan atau bentuk visualnya dipertahankan sedapat mungkin (Awang Sariyan, 1995).

Bagi perkataan-perkataan serapan atau pinjaman daripada bahasa Arab yang berupa istilah agama Islam, peserta kajian telah melafazkannya dengan menggunakan bunyi pertuturan BM dengan tidak mengendahkan sebutan yang sepatutnya menurut bunyi asalnya demi untuk mempertahankan maknanya. Hal ini menyebabkan sebutan yang dinyatakan janggal dan berbeza daripada sebutan sepatutnya.

Bagi aspek morfologi, dapatan menunjukkan subjek-subjek kajian tidak menghadapi sebarang masalah melafazkannya. Mereka dapat melafazkan perkataan-perkataan mengikut pemenggalan suku kata yang sewajarnya disebut.

Bagi menjawab soalan sikap subjek terhadap SBBM, semua subjek bersikap positif, mengambil berat, serta mengakui kepentingan SBBM dalam sektor pendidikan. Mereka mencuba menggunakan SBBM ketika diperlukan walaupun ketekalannya tidak bertahan lama.

Menyentuh tentang perkara-perkara yang menjadi penghalang mereka menggunakan SBBM, dapatan menunjukkan bahawa penggunaan yang terhad seperti

hanya dalam kelas BM, dalam situasi rasmi, kurang peluang untuk menggunakannya secara lebih terbuka, dan bahan-bahan contoh yang tidak banyak adalah merupakan penghalang kelancaran penggunaan SBBM.

Seterusnya, bagi menjawab soalan terakhir kajian, dapatan kajian menunjukkan bahawa subjek-subjek kajian menyatakan sumber contoh SBBM juga sangat terhad. Oleh sebab SBBM melibatkan aktiviti lisan, subjek-subjek telah menyenaraikan pensyarah dan guru yang kerap menggunakan SBBM di samping siaran media massa yang terhad menggunakan SBBM.

Cadangan

Berdasarkan dapatan kajian, penggunaan SBBM masih terabai dan tidak mendapat penekanan dalam pengajaran dan pemelajaran. Oleh hal yang demikian dicadangkan beberapa langkah boleh diambil untuk mengatasinya.

- (i) Penggunaan SBBM perlu diberi penekanan dalam semua mata pelajaran pada semua peringkat pendidikan. Pengetahuan menggunakan SBBM telahpun ditanamkan kepada para pelajar sejak dari bangku sekolah rendah lagi. Oleh itu sekiranya tidak diteruskan pada peringkat seterusnya, kemungkinan mereka akan membuat anggapan bahawa SBBM tidak penting dan akhirnya diabaikan.
- (ii) Di sekolah dan institusi pendidikan yang lain, penegasan penggunaan SBBM bagi situasi rasmi perlu diberi penegasan. Hal ini akan menggalakkan penutur BM menggunakan SBBM di tempat dan situasi yang diperlukan umpamanya, SBBM haruslah digunakan ketika mengandalikan aktiviti luar kelas yang bersifat rasmi seperti aktiviti kokurikulum, mesyuarat, taklimat, pengumuman dan sebagainya. Sekiranya

dalam situasi rasmi pun SBBM diabaikan, maka penggunaannya sukar dipertahan.

(iii) Bagi pihak para pelajar pula, mereka hendaklah kerap menggunakan SBBM dalam pelbagai situasi. Para pelajar perlu sedar akan kepentingan menggunakan penyebutan BM yang betul dan tepat. Mereka perlu menghindarkan sebutan yang tidak baku ketika menggunakan BM khususnya dalam situasi yang rasmi. Hal ini akan melatih mereka terus menggunakan SBBM dengan baik sehingga ke peringkat yang lebih tinggi.

(iv) Guru-guru perlu menegur dan menunjuk ajar pelajar yang gagal menggunakan SBBM dengan betul dan tepat. Semoga dengan teguran dan tunjuk ajar akan membolehkan mereka mengekalkan penggunaan SBBM. Di samping itu, para guru perlu menghindarkan penggunaan BM tidak baku dan dialek ketika berkomunikasi dengan pelajar. Kemampuan guru menggunakan SBBM pasti dicontohi para pelajar. Malahan sekiranya guru menggunakan SBBM ketika berkomunikasi dengan pelajar, pasti pelajar akan menuruti cara guru berkenaan.

(v) Bahan-bahan SBBM perlu diadakan dan diperbanyakkan untuk menjadi rujukan dan panduan pelajar. Bahan-bahan boleh berbentuk kaset, video, cakera padat, siaran radio, siaran televisyen, filem (wayang gambar) dan sebagainya. Bahan-bahan yang tidak menggunakan SBBM perlu juga diadakan untuk membolehkan mereka membandingkan dan membuat penilaian penyebutan yang baku dan yang tidak baku.

(vi) Pelajar-pelajar patut diajarkan menggunakan lambang-lambang sebutan fonetik bagi setiap nilai bunyi BM. Melalui lambang-lambang tersebut, mereka dapat mengetahui nilai sesuatu bunyi dan membolehkan mereka merujuk ke dalam kamus

yang menggunakan lambang-lambang tersebut untuk menyatakan sesuatu bunyi. Pengetahuan ini boleh diketengahkan ketika mereka mula menduduki bangku sekolah menengah rendah.

Kesimpulannya, dengan iltizam dan kesungguhan pihak-pihak yang ingin melihat SBBM terus digunakan, diharapkan melalui cadangan-cadangan yang diajukan, cita-cita tersebut akan tercapai.